

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 18 MAC 2015

SOALAN :

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan keperluan mendesak pembinaan Klinik Kesihatan untuk penduduk Long San yang masih bergantung kepada klinik mubaligh yang dibina semenjak tahun 1958.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Long San dikendalikan oleh 6 petugas kesihatan terdiri daripada penolong pegawai perubatan, jururawat, jururawat masyarakat dan pembantu perawatan kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada 2,677 penduduk dengan purata beban kerja 36 pesakit sehari.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keperluan penggantian bangunan Klinik Kesihatan Long San yang lama dan pada masa ini disewa daripada Diocese of Miri.

KKM akan berusaha untuk mengutamakan pembangunan Klinik Kesihatan (Jenis 5) Long San dengan kuarters untuk keselesaan penduduk Long San.